

Penggunaan bosoon dan herba bagi merawat sakit perut dalam masyarakat Bajau Sama' di daerah Tuaran, Sabah

ABSTRAK

Etnik Bajau Sama' yang ramai tinggal di bahagian pantai barat Sabah khususnya di daerah Tuaran memiliki kaedah perubatan tradisional yang diwarisi dari generasi ke generasi. Kajian lapangan dilakukan di tiga lokasi daerah Tuaran, iaitu Kampung Sungai Damit, Kampung Suang Perumahan, Mengkabong dan Kampung Tembilok, Mengkabong. Artikel ini bertujuan untuk meneliti tatacara perubatan tradisi etnik Bajau Sama' dengan menumpukan kepada bosoon atau mantera dan penggunaan herba dalam merawat sakit perut. Kedua, makalah bertujuan untuk meninjau sama ada amalan tradisi ini dipengaruhi oleh masyarakat Bajau di dalam kampung yang berbeza atau tidak berdasarkan jenis penyakit yang dihidapi pesakit. Konsep folk medicine atau folk belief digunakan sebagai kerangka konsep untuk melihat tatacara dan kaedah perubatan tradisi etnik ini. Amalan perubatan ini hanya dilakukan oleh golongan tua kerana sebahagian besar generasi muda tidak tahu tentang amalan tradisi ini. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung memaparkan kepakaran etnik Bajau Sama' dalam amalan perubatan tradisi dan membuktikan kearifan tempatan etnik peribumi Sabah serta menjadi tatapan umum masyarakat akan datang.